

ATUR CARA MESYUARAT AGUNG KOSMA KALI KE 36 5 MEI 2018 (SABTU)

-
- 8.00 pagi : Pendaftaran Anggota-Anggota KOSMA di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur
 - 8.30 pagi : Anggota-Anggota KOSMA mengambil tempat di Dewan
 - : Bacaan Doa
 - : Ucapan Penggerusi KOSMA YH. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
 - : Penyampaian Anugerah dan Pampasan
 - : Mesyuarat Agung dimulakan

SENARAI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung	1-2
Kata-Kata Aluan	3-6
Maklumat Penting KOSMA	7
Anggota Lembaga	8
Sorotan Kalendar Sessi 2017/2018	9-13

AGENDA MESUARAT

- | | |
|--|---------|
| 1 Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 pada 5 Mei 2018. | 14 |
| 2 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-35 pada 20 Mei 2017. | 15-69 |
| 3 Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2017/2018. | 70-88 |
| 4 Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017. | 89 |
| 5 Menimbang dan Meluluskan Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2018 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2019. | 90-105 |
| 6 Meluluskan Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini. | 106-107 |
| 7 Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini. | 108 |
| 8 Menentukan Had Maksimum Keterutangan Koperasi. | 109 |
| 9 Meluluskan Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018. | 110 |
| 10 Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan. | 111-113 |
| 11 Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga : | 114-117 |
| a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang. | |
| b. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga ; Tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2018 - 2021 (3 tahun). | |

NOTIS MESYUARAT AGUNG

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

B8032, Jalan Teluk Sisek Sri Kuantan Square,

25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Telefon : 09-5177977 / 09-5177980

No. Faks : 09-5137190

Bil (9) dlm KSMB / SKRT / MAT-36

20 April 2018

Kepada :-

Semua Anggota

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan / Puan Yang Dihormati,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 36

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :


Tarikh : **5 Mei 2018 (Sabtu)**

Masa : **8.00 pagi**

Tempat : **Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan,
Pahang Darul Makmur.**


2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-

- 2.1 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-36 pada 5 Mei 2018.
- 2.2 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-35 pada 20 Mei 2017.
- 2.3 **Menimbang** Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2017/2018.
- 2.4 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.
- 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Belanjawan Tahun 2018 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2019.
- 2.6 **Meluluskan** Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saran Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.
- 2.7 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
- 2.8 **Menentukan** Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.

- 
- 2.9 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018.
 - 2.10 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan :
 - 2.10.1 Usul Anggota Lembaga
 - 2.10.2 Usul-usul Anggota
 - 2.11 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**
 - a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
 - b. **Memilih** tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2018 - 2021 (3 tahun).
3. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 27 April 2018 jam 12.00 tengah hari.**

'MAJU BERSAMA KOPERASI'

Dengan perintah lembaga,
KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD


DATO' HAJI KHADRI BIN MUSA

Setiausaha

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang

NOTA PENTING : -

- 1. Seperti yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, Anggota - Anggota KOSMA adalah diminta supaya tidak membawa ahli keluarga yang bukan merupakan anggota KOSMA ke dalam Dewan Mesyuarat. Ahli keluarga yang mengiringi Anggota ke Mesyuarat Agung bolehlah menunggu di mana-mana tempat di luar Dewan.
- 2. Anggota - Anggota KOSMA adalah diingatkan **bahawa penama atau wakil mereka adalah tidak dibenarkan mengambil elau Mesyuarat atau mengundi**. Justeru itu, Anggota - Anggota adalah dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan masing - masing dan kad keanggotaan KOSMA bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.
- 3. Kaunter pendaftaran akan dibuka seperti berikut :
 - i. pada hari mesyuarat agung iaitu **5 Mei 2018** mulai dari jam **07.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi** di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Anggota - Anggota adalah diminta hadir dalam tempoh pendaftaran berkenaan **untuk melayakkan mereka mengundi**. **Kaunter** pendaftaran **lewat** akan dibuka **sehingga jam 12.30 tengah hari** bagi tujuan daftar kehadiran sahaja.

KATA ALU-ALUAN YAB MENTERI BESAR PAHANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Saya ucapkan tahniah kepada kepimpinan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-36 pada tahun ini.

Tahniah juga kerana menyambut Ulangtahun Jubli Emasnya dengan pelbagai acara. Semoga usia emasnya ini akan mendorong KOSMA menjadi bertambah maju dan berjaya demi manfaat Ahli-ahlinya.

KOSMA kini semakin dikenali bukan sahaja kerana aktiviti perlادangan tetapi juga dengan beberapa hotel miliknya di sekitar bandar Kuantan serta perniagaan pajak gadai Islam - Ar Rahnu KOSMA.

Saya berharap, KOSMA akan dapat terus mengembangkan perniagaan ini selain mempelbagaikan perniagaan yang diceburi yang boleh menambahkan lagi hasil pendapatannya.

Mesyuarat kali ini saya difahamkan, akan melibatkan pemilihan barisan kepemimpinan bagi penggal baharu yang oleh itu, saya suka sarankan agar Ahli-ahli sekelian dapat membuat pilihan yang betul.

Semoga dengan ini, KOSMA akan dapat terus bergerak sebagai sebuah koperasi yang kekal dengan kecemerlangannya dalam pelbagai bidang yang disertainya. Insya Allah.

"Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh."

DATO' SRI DIRAJA ADNAN BIN YAAKOB, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM



KATA ALU-ALUAN YANG BERBAHAGIA PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam Negaraku dan Salam 1Koperasi,


Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Buku Laporan Tahunan 2017 KOSMA ini.

Setinggi-tinggi tahniah kepada KOSMA kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-36. Saya yakin dan percaya bahawa kemajuan dan kejayaan koperasi adalah hasil daripada kerjasama erat antara Lembaga Pengarah, Pengurusan serta anggota-anggota koperasi.

Dasar Koperasi Negara (DKN) telah menggariskan lima (5) Teras Strategik iaitu merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi berdaya tinggi, memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi, meningkatkan modal insan koperasi, meningkatkan keyakinan masyarakat dan memperkuuhkan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap koperasi bertujuan untuk melahirkan gerakan koperasi yang kukuh, mampan serta menjadi penyumbang yang amat berkesan kepada ekonomi negara. Oleh yang demikian, SKM akan terus memberi sokongan kepada KOSMA untuk terus menjadi sebuah koperasi yang berkualiti dan berdaya saing.

Akhir kata, saya mendoakan agar KOSMA akan berdaya maju dan menempa kejayaan seterusnya menyumbang secara signifikan dalam pembangunan gerakan koperasi di negara ini.


DATO' DR NOOR ZARI BIN HAMAT



KATA ALU-ALUAN PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim..

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera, Salam 1 Koperasi dan Salam Negaraku Malaysia.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2017 yang merupakan sebuah laporan bagi memberi gambaran mengenai peranan KOSMA kepada individu yang penting dan menyeluruh.

Tahun 2017 adalah tahun yang penuh dengan cabaran bagi memastikan KOSMA terus berkembang dan membawa manfaat kepada ahli khususnya dan orang awam amnya. Perkhidmatan dan produk KOSMA bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan kepada anggota-anggotanya sahaja malah dapat membantu menangani isu-isu lain juga. Saya amat berbesar hati dengan konsep yang dibawa oleh pihak KOSMA. Saya yakin dan percaya bahawa KOSMA dapat membantu anggota-anggota serta dapat menarik lagi ramai individu untuk turut sama dalam membangunkan koperasi KOSMA. Dalam hal ini, ianya boleh disambut di peringkat pihak koperasi sendiri dengan pendekatan dan perancangan yang holistik.

Ke arah itu, sama-samalah kita tingkatkan usaha, kemahiran dan pengetahuan untuk membangunkan gerakan koperasi agar keyakinan masyarakat terus dipertingkatkan sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mentransformasikan gerakan koperasi menjadi lebih kompetitif, berdaya tahan, berdaya saing, progresif dan berintegriti.

Seterusnya, saya berharap agar gerakan KOSMA akan menyokong segala usaha Kerajaan dalam membangunkan gerakan koperasi supaya gerakan ini mampu memberikan sumbangan yang bermakna kepada kemajuan ekonomi Negara.

Saya juga mendoakan agar KOSMA akan terus berjaya serta mampu mempertingkatkan lagi kejayaan serta mampu mengharungi cabaran sosioekonomi semasa.

Sekian, Selamat maju jaya.



TUAN HAJI IBRAHIM BIN KASAH

SECEBIS RASA PENGERUSI KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke haderat Allah S.W.T. kerana dengan limpah perkenanNya, kita dapat bersama lagi di Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 36 KOSMA pada hari ini. Semoga kita terus dipanjangkan usia dan dapat bertemu lagi di tahun-tahun yang akan datang.

Seperti biasa, di antara agenda utama pada hari ini untuk memilih Anggota Lembaga KOSMA bagi mengisi tiga kekosongan barisan kepimpinan KOSMA yang akan berkhidmat untuk tempoh selama 3 tahun. Anggota-anggota perlulah membuat pilihan yang terbaik berdasarkan pengamatan dan penilaian secara rasional serta berdasarkan fakta yang sahih, supaya mereka yang dipilih nanti mampu memacu ke arah KOSMA yang lebih gemilang. Jangan sekali-sekali memilih mereka yang tidak ada fakta dan terus menabur fitnah.

Menyentuh mengenai keuntungan KOSMA bagi tahun 2017, pengeluaran hasil BTB KOSMA meningkat sebanyak 23 % berbanding tahun 2016 dan 15 % berbanding bajet. Manakala kos pengeluaran per mt menurun kepada RM182.66/ mt berbanding tahun 2016 sebanyak RM206.25/mt. Harga BTB yang meningkat pada kadar purata RM569.44/ mt berbanding RM567.03/mt pada tahun 2016 menjadikan kadar keuntungan KOSMA diperangkat kumpulan juga meningkat iaitu sebanyak RM81.087 juta berbanding RM60.363 juta bagi tahun 2016. Oleh yang demikian, tidak semudah itu mereka mengeluarkan kritikan yang KOSMA ini lemah bagi mereka yang hendak bertanding.

Untuk makluman anggota-anggota, perniagaan hotel-hotel KOSMA kini diletakkan dibawah kendalian KOSMA Tourism Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat kepada KOSMA Holding Sdn Bhd. KOSMA Holding Sdn Bhd juga akan mengendalikan perniagaan-perniagaan lain KOSMA selain hartanah dan Ar-Rahnu. Perniagaan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) KOSMA telah mencatat keuntungan yang amat memberansangkan dan KOSMA sedang menunggu kelulusan untuk membuka cawangan Ar-Rahnu di Temerloh.

Bersempena Sambutan Jubli Emas KOSMA pada tahun 2017, berbagai acara telah dilaksanakan seperti Majlis Perasmian Masjid dan Kompleks Perladangan KOSMA yang disempurnakan oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang dan Majlis Santapan/ Jamuan Malam yang diserikan dengan Keberangkatan KDYMM Pemangku Raja Pahang. Di samping itu pelbagai acara dan aktiviti dijalankan termasuklah aktiviti-aktiviti sukan serta kemasyarakatan.

Terima kasih kepada semua anggota Lembaga, pengurusan dan kakitangan serta anggota- anggota yang terus setia memberikan segala bentuk sokongan dan sumbangan dalam memastikan KOSMA terus maju dan cemerlang demi kemaslahatan kita bersama.

Selamat bersidang. Terima kasih.



DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM, SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN



MAKLUMAT PENTING KOSMA

► ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar Bin Haji Ibrahim, SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN.

Timbalan Pengerusi

YH Dato' Haji Mokhtar Bin Haji Mat Salleh, DIMP., AAP., AMP.

Setiausaha

YH Dato' Haji Khadri bin Musa, DIMP.

Bendahari

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari

Wakil Kerajaan

Y.B Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

Wakil Kerajaan

Y.H Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz, DSAP., DIMP., SMP.

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif, DIMP., AMP.

Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad, PKC.
Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin

YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman, DIMP., KMN., AAP., AMP., PJK.
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed, DIMP.

► MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

Pengurus Kewangan

Tuan Haji Shamsul Anuar bin Hussin

Pengurus Pentadbiran

Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali

Setiausaha Eksekutif

Encik Abdul Ghafar bin Hussin

Pengurus Kanan Ladang

Tuan Haji Kamarudin Arifin bin Idris
Encik Yusof bin Jaafar

Pengurus Ladang

Encik Mohd Razuan bin Mustapa Kamar
Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi
Encik Zaharim bin Zainuddin
Encik Mohd Shahril bin Abdullah (PP)
Encik Mohd Yassin bin Ali (PP)

► ALAMAT BERDAFTAR KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur

SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%)
KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%)

► SYARIKAT BERSEKUTU MENGURUSKAN KILANG KOSMA

Wujud Wawasan Sdn Bhd (49%)

YAYASAN

Yayasan KOSMA

BANK-BANK

1. CIMB Berhad
2. Bank Muamalat (M) Berhad
3. Malayan Banking Berhad
4. Ar Rajhi Bank
5. RHB Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Kerjasama Rakyat Berhad
8. Bank Persatuan Malaysia Berhad
9. AFFIN Bank Berhad
10. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia :
Modal Syer - RM1,014,701
(sehingga Disember 2017)
2. Bank Persatuan Malaysia Berhad :
Modal Syer - RM632,678
(sehingga Disember 2017)

3. Konsortium Penyelaras Koperasi Negeri Pahang Berhad
Modal Syer - RM20,000
(sehingga Disember 2017)

► JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Ketua

Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman

Setiausaha

Encik Ibrahim bin Ali

AJK

Encik Ahmad Zambri bin Ab Aziz

Encik Muslim bin Umar

Encik Azaham Shah bin Badrillah

► JURUAUDIT LUAR

Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (Aftaas)
No. 60 Jalan Putra Square 7, Putra Square
25200 Kuantan, Pahang

► PEGUAM

Tetuan Zainur Zakaria & Co
Advocates & Solicitors
D-3-10, Plaza Damas
No 60 Jalan Sri Hartamas Satu
50480 Kuala Lumpur

Tetuan Daeng Khatijah & Amran
Peguambela & Peguamcara
A37, 2nd Floor, Wisma KPKP,
Jalan Gambut 2, P.O.Box 18,
25000 Kuantan, Pahang

Tetuan Noorhuda & Partners
Peguambela & Peguamcara
Level 2-G, Menara Zenith,
Jalan Putra Square 6, Putra Square,
25200 Kuantan, Pahang

Tetuan Sabarudin Othman & Ho
C-8-2, 8th Floor, Megan Avenue II
No. 12 Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur



► Duduk dari kiri

1. YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
2. YH Dato' Haji Mokhtar bin Mat Salleh, DIMP., AAP., AMP.
3. YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN.
4. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari
5. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz, DSAP., DIMP., SMP.

- Wakil Kerajaan
- Timbalan Pengurus
- Pengurus
- Bendahari
- Wakil Kerajaan

► Berdiri dari kiri :

1. Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin
2. Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad, PKC.
3. YH Dato' Haji Khadri bin Musa, DIMP.
4. YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman, DIMP., KMN., AAP., AMP., PJK.
5. YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif, DIMP., AMP.
6. YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed, DIMP.

- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Setiausaha
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga

ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA

SOROTAN KALENDAR SESSI 2017/2018



• 20 MEI 2017 •

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 35
DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



• 20 MEI 2017 •

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 35
DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN

SOROTAN KALENDAR SESSI 2017/2018



• 10 JUN 2017 •
**MAJLIS PERASMIAN MASJID DAN
KOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA
SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN KOSMA**



• 31 OGOS 2017 •
**PERARAKAN SAMBUTAN
HARI KEBANGSAAN KE-60
SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN KOSMA**



• 12 OGOS 2017 •
**SAMBUTAN HARI KOPERASI NEGARA 2017
PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL HIKMAT**



• 17 OGOS 2017 •
**MAJLIS PENYERAHAN
ZAKAT PERNIAGAAN KOSMA 2017**

SOROTAN KALENDAR SESSI 2017/2018



• OKTOBER 2017 •
MAJLIS SANTAPAN/JAMUAN MALAM SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN KOSMA



• SEPTEMBER 2017 •
**KEJOHANAN WOODBALL
SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN KOSMA**

SOROTAN KALENDAR SESSI 2017/2018

• PROGRAM KEBAJIKAN SEMPENA JUBLI EMAS 50 TAHUN KOSMA •

• 9 DISEMBER 2017 •
RAPHA CHILDREN'S HOUSE, KUANTAN



• 13 DISEMBER 2017 •
BENGKEL SAMPUL SURAT PPOKU
SG LEMBING



• 16 DISEMBER 2017 •
RM CARING HOME, KUANTAN



• 16 DISEMBER 2017 •
DEWAN KRT TAMAN BAHAGIA,
TEMERLOH



• 17 DISEMBER 2017 •
KEDIAMAN DATO' HAJjah KHATIJAH BT
AHMAD, PEKAN



• 22 DISEMBER 2017 •
KEDIAMAN YH DATO' HAJI ABDUL AZIZ
BIN ABDULLAH, BENTONG



SOROTAN KALENDAR SESSI 2017/2018

• 23 DISEMBER 2017 •
PROGRAM KEBAJIKAN DI
DEWAN PLPP BANGI, SELANGOR



• 29 DISEMBER 2017 •
PROGRAM KEBAJIKAN DI DEWAN
AUDITORIUM MAJLIS AGAMA ISLAM,
MARAN



• 21 JANUARI 2018 •
PROGRAM KEBAJIKAN DI BALAI RAYA
KG MELAYU, JERANTUT



• 27 DISEMBER 2017 •
MAJLIS PENUTUP PROGRAM
NLP YAYASAN KOSMA



• 28 DISEMBER 2017 •
LAWATAN DELEGASI KOPERASI ISLAH
(M) BHD



• 26 FEBRUARI 2018 •
MAJLIS PENYERAHAN
CUKAI TANAH DAN CUKAI TAKSIRAN
DI MAJLIS DAERAH ROMPIN





AGENDA : 1 KERTAS BIL : KMA.01/2017

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ANGGOTA DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36 PADA 5 MEI 2018

1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA ke-36 pada 5 Mei 2018.

2.0 MAKLUMAN

Undang-Undang Kecil 32 (1) (1) berbunyi :-

Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk :-

- 3.1 Melantik enam orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 36 dan
- 3.2 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA ke-36.



kosma
h.o.t.e.l.

HOTEL Family

AGENDA : 2 KERTAS BIL : KMA.02/2017

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-35 PADA 20 MEI 2017

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-35 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-35 pada 20 Mei 2017 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.

Dato' Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
Pengerusi

**Dato' Haji Mokhtar
bin Haji Mat Salleh**
Timbalan Pengerusi

**Dato' Haji Khadri
bin Musa**
Setiausaha

**Ahmad Shukri
bin Haji Johari**
Bendahari

**Haji Kamil
bin Abd Majid**
Anggota Jawatankuasa


**Dato' Haji Abdullah
bin Majid**
Anggota Jawatankuasa

**Ahmad Mustaffa bin
Haji Zainal Abidin**
Anggota Jawatankuasa

**Kamaruzaman
bin Hassan**
Anggota Jawatankuasa

**Ng Aik Cheong @
Eng Fek Chiong**
Anggota Jawatankuasa

**Mustari Anuar
bin Samah**
Anggota Jawatankuasa



MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-35

TARIKH : 20 MEI 2017 (SABTU)

MASA : 09.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, JALAN TELUK SISEK, KUANTAN

A. KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA :-

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	-	Pengerusi
YH Dato' Haji Zainal bin Haji Hassan	-	Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	-	Setiausaha
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	-	Bendahari
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	-	Wakil Kerajaan
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	-	Wakil Kerajaan
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	-	Anggota Lembaga
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	-	Anggota Lembaga
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	-	Anggota Lembaga
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	-	Anggota Lembaga

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :-

YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	-	Anggota Lembaga
-------------------------------------	---	-----------------

B. KEHADIRAN ANGGOTA

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1227 orang (Termasuk Anggota Lembaga dan anggota yang mendaftar lewat) - LAMPIRAN 'A'



C. TURUT HADIR :-

- | | |
|---|---|
| YH Dato' Mohamad Zawawi bin Mahmud
Encik Afrizan bin Husain
Encik Muhammad Akbar Ismailadi
Encik Muhammad Shafiq bin Shahidan
Puan Nur Amirah bt Abd Mansor | - Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang
- Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) Juruaudit Luar |
|---|---|

D. BACAAN DOA

Dipimpin oleh Al Fadhil Tuan Dr Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Pahang (No. Anggota:2100).

E. UCAPAN OLEH PENGERUSI KOSMA

YH DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM – LAMPIRAN 'B'

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 35

ALUAN PENGERUSI

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Mesyuarat memberi salam dan mengalunkan Anggota Lembaga serta semua anggota yang hadir serta mengisyiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 35 dimulakan. Seterusnya beliau mengumumkan sehingga jam 10.00 pagi kehadiran anggota yang mendaftar berjumlah 1,128 orang dan angka ini mencukupi kuorum. Manakala sehingga pukul 11.00 pagi, kehadiran anggota berjumlah 1,200 orang iaitu jumlah anggota yang layak mengundi.

Beliau memberi peringatan secara ringkas mengenai Aturan Mesyuarat Agung, antaranya ;

- Anggota yang ingin mengemukakan pertanyaan atau memberi pandangan perlulah menyatakan nombor muka surat bagi memudahkan rujukan serta menyatakan isi penting sahaja.
- Selain itu, Anggota juga perlu menyatakan nama dan nombor anggota bagi tujuan rekod.
- Perkara yang dibangkitkan perlu munasabah serta tidak dibenarkan menyentuh peribadi individu, isu adat resam, budaya dan agama.
- Anggota hanya dibenarkan bercakap sekali bagi sesuatu agenda.

Sebelum mesyuarat dimulakan, harapan beliau agar Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini berjalan dengan baik dan lancar.

1.0 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE – 35 PADA 20 MEI 2017 – KMA 01/2016

- 1.1 **YH Dato' Sri Pengerusi** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 01/2016 (Muka surat 10) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-35 pada 20 Mei 2017 mengikut Undang – undang Kecil 32 (1) (l) yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga berdasarkan UUK 32 (1) (l).
- 1.2 Pencalonan yang telah mendapat sokongan seperti berikut :-
 - i. Encik Abdullah @ Mohd Noor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094) mencadangkan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** dan **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**.
 - ii. Tuan Haji Abdullah bin Abu Bakar (Anggota: 2059) mencadangkan **Tuan Haji Kamil bin Abd Majid (Anggota : 2270)**.
 - iii. Encik Kamarulzaman bin Zainal Abidin (Anggota: 2028) mencadangkan **Encik Ng Aik Cheong @ Eng Fek Chiong (Anggota: 0359)**.
 - iv. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623) mencadangkan **YH Dato' Haji Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**.
 - v. Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969) mencadangkan **Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**
- 1.3 Atas cadangan **Encik Abdullah @ Mohd Noor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094)** pencalonan ditutup dan disokong sebulat suara oleh Mesyuarat Agung pada hari ini.
- 1.4 Senarai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-35 dari kalangan anggota adalah seperti berikut :-
 - i. **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)**
 - ii. **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
 - iii. **Tuan Haji Kamil bin Abdul Majid (Anggota : 2270)**
 - iv. **Encik Ng Aik Cheong @ Eng Fek Chiong (Anggota: 0359)**
 - v. **YH Dato' Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**
 - vi. **Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**
- 1.5 Mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa yang dilantik ini mengadakan mesyuarat dalam tempoh sebulan dari tarikh Mesyuarat Agung ini diadakan. Mesyuarat Agung pada hari ini juga bersetuju enam (6) orang anggota yang dipilih seperti di atas dan empat (4) orang Anggota Lembaga berjawatan iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dilantik sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke 35.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-34 PADA 4 JUN 2016 – KMA 02/2016

- 2.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 02/2016 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-34 pada 4 Jun 2016 (Muka surat 11 - 59). Beliau juga memaklumkan bahawa minit tersebut telahpun ditentusahkan oleh Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung pada 4 Jun 2016 dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan Akta Koperasi 1993 Seksyen 14 (1).
- 2.2 **YH Dato' Haji Abdul Aziz bin Haji Abdullah (Anggota : 2324)** mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 34 pada 4 Jun 2016 ini disahkan dan disokong oleh **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** serta dipersetujui sebulat suara oleh mesyuarat agung.

3.0 MENIMBANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2016 – KMA 03/2016

- 3.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 03/2016 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sessi 2016/2017 (muka surat 60-78).
- 3.2 **YH Dato' Haji Muhamad bin Abdullah (Anggota : 2766)** menarik perhatian anggota dengan merujuk muka surat 60 , seperti berikut :-
 - i. Beliau mencadangkan tempoh lantikan Anggota Lembaga dihadkan kepada dua (2) penggal sahaja.
 - ii. Seterusnya beliau menyatakan adakah Anggota Lembaga yang baru dan tidak pernah dilantik sebagai Anggota Lembaga sebelum ini ditawarkan dengan beberapa unit ladang. Sekiranya benar amalan ini perlu dihentikan sama sekali oleh kerana Ladang KOSMA sedia ada tidak bertambah.
 - iii. Menyarankan supaya pemilihan Anggota Lembaga di masa akan datang calon-calon hendaklah diberi sedikit masa untuk pengenalan diri serta menjelaskan misi dan visi mereka menawarkan diri untuk bertanding sebagai Anggota Lembaga.
- 3.3 **YH Dato' Sri Penggerusi** memaklumkan bahawa isi kandungan muka surat yang dirujuk adalah mengenai senarai kehadiran mesyuarat, maka perkara yang dibangkitkan tidak berkaitan.
- 3.4 **YH Dato' Haji Muhamad bin Abdullah (Anggota : 2766)** faham apa yang dimaksudkan oleh YH Dato' Sri Penggerusi, namun begitu beliau kurang pasti di agenda mana untuk dibangkitkan perkara tersebut.
- 3.5 **Tuan Haji Mohamed Napi bin Haji Ahmad (Anggota : 1768)** membuat teguran mengenai prosedur penggunaan mesin timbang buah di Ladang KOSMA yang mana pada pengamatan beliau mengamalkan cara tidak tepat. Prosedur yang diamalkan iaitu enjin lori yang berada atas

mesin timbang masih hidup tanpa pemandu menyebabkan penentukan tidak stabil dan bacaan yang diperolehi berbeza. Cara yang betul iaitu pemandu masih berada di dalam lori atas mesin timbang sementara enjin lori dimatikan.

- 3.6 **YH Dato' Pengerusi** menerima baik pandangan tersebut namun jelas beliau perkara itu memerlukan pandangan dari pihak lain terutama pandangan dari segi teknikal.
- 3.7 **YH Dato' Bendahari** juga bersetuju bahawa itu merupakan pandangan yang baik dan perlu diambil perhatian. Namun begitu, beliau menjelaskan bahawa KOSMA menggunakan mesin timbang digital seperti mana yang digunakan di kilang. Pengeluar mesin timbang juga tidak memaklumkan secara khusus prosedur semasa membuat penentukan samada timbangan lori kosong atau yang ada muatan, enjin perlu dimatikan atau sebaliknya.
- 3.8 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** berpendapat bagi melancarkan perjalanan majlis, perbincangan perlulah mengikut turutan agenda. Beliau membuat teguran mengenai ketiadaan agenda perkara berbangkit menyebab ramai anggota tidak tahu di agenda mana perlu dibangkitkan perkara yang tiada di dalam laporan. Oleh yang demikian beliau mencadangkan sebelum mesyuarat ditangguhkan anggota diberi peluang untuk membangkitkan hal-hal lain sekiranya ada bagi melancarkan perjalanan mesyuarat.
- 3.9 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** menarik perhatian mengenai komen beliau berkaitan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) seperti yang telah dicatatkan sebelum ini :-
- Terlebih dahulu beliau memohon maaf kepada Ketua JKAD oleh kerana ingin membuat teguran secara objektif bahawa Laporan JKAD yang dibentangkan tidak begitu memuaskan oleh kerana sebahagian besarnya hanya melaporkan senarai aktiviti JKAD manakala sedikit sahaja catatan bagi rumusan yang penting. Beliau mempersoalkan mengapa JKAD tidak membuat satu laporan khas untuk dibentangkan di dalam mesyuarat agung supaya anggota mendapat makluman mengenai masalah koperasi yang sebenar.
 - Tambah beliau lagi, dua (2) perkara penting yang perlu diambil perhatian iaitu mengenai Kadar Perahan Minyak dan hasil ladang. Sebagaimana yang dicatatkan bagi tahun 2015, OER direkodkan sebanyak 20.0% manakala bagi tahun 2016 mengalami penurunan iaitu 19.8%. Perbezaan 1 % boleh menyebabkan kerugian lebih kurang RM3 juta. Berkenaan dengan hasil ladang, daripada 22 mt/ha bagi tahun 2015, tahun 2016 KOSMA mendapat lebih kurang 17 mt/ha sahaja dan boleh menyebabkan kerugian bersamaan dengan jumlah RM30 juta setahun.
- 3.10 **YH Dato' Pengerusi** menjawab berdasarkan statistik hasil pengeluaran bagi syarikat perladangan sawit yang tersenarai di BSKL berbanding KOSMA :

	2015 MT/HA	2016 MT/HA
TDM Berhad	17.3	15
FGV	17.9	14.5
Tabung Haji	18.1	15.3
KOSMA	22.3	17.8

3.11 Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A) berbalik kepada isu kadar perahan :-

- Memberi penekanan sekali lagi bahawa kekurangan 1% boleh menyebabkan kerugian sebanyak RM3 juta. Pelbagai tindakan boleh diambil bagi meningkatkan angka tersebut disamping menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 21% bagi OER.
- Beliau menambah, dalam laporan ini tidak dinyatakan faktor kejatuhan OER, namun ramai berpendapat fenomena El-Nino yang melanda Malaysia dan juga negara luar merupakan salah satu puncanya. Berbagai langkah diambil oleh syarikat lain bagi mengatasi kesan El-Nino, antaranya penggalian parit-parit bagi saliran air, 'sprinkler system' dan pembersihan kawasan dari rumpai. Beliau ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh pengurusan ladang untuk mengatasi kesan El-Nino tersebut.
- Seterusnya, beliau menegaskan perkara seperti ini perlu dikaji disamping mencari jalan bagaimana untuk mengatasi serta dibentangkan laporannya kepada semua anggota . Beliau berharap agar Pengurusan Ladang, Agen Pengurusan, Jawatankuasa Ladang dan JKAD dibuat penstrukturkan semula supaya ianya lebih efektif. KOSMA harus memberi tumpuan kepada bidang utamanya iaitu perladangan di samping berusaha untuk meningkatkan kadar perahan minyak dan pengeluaran hasil.

3.12 Tuan Haji Abdullah bin Abu Bakar (Anggota : 2059) ingin membuat teguran mengenai Mesyuarat Lembaga KOSMA yang diadakan di Kuala Lumpur. Beliau menyarankan agar mesyuarat diadakan di Kuantan sahaja untuk tujuan penjimatan kos.

3.13 YBhg Datuk Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota : 1938) menyokong apa yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed dan menegaskan hasil tidak sepatutnya begitu rendah. Jika begini keadaannya beliau menyarankan perkhidmatan agen perladangan KOSMA sedia ada tidak dilanjutkan.

3.14 YH Dato Bendahari menjelaskan ;

- Berhubung dengan isu penghasilan, pencapaian bagi tahun 2016 sememangnya merosot begitu juga dengan purata penghasilan seluruh negara yang menurun sekitar 15%-20% berikutan dari fenomena El-Nino yang melanda bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2014-2015. Namun demikian harga sawit yang baik bagi tahun 2016 telah menyelamatkan keadaan ini dan telah memberi keuntungan jauh lebih besar daripada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan kos pengeluaran yang dapat dikenalkan.
- Dari segi perbandingan purata hasil (yield) bagi tahun 2016 antara 10 syarikat perladangan sawit yang tersenarai di BSKL berbanding KOSMA adalah seperti berikut :-

	MT/HA
TDM Berhad	15
Felda Global Ventures Holding Berhad (FGV)	14.5
Tabung Haji	15.3
Boustead Holdings Berhad	15.6

Chin Teck Plantations	16.1
United Malacca Bhd	17.4
Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK)	19.8
Far East Holding	16.7
KOSMA	17.8

- iii. Berdasarkan statistik tersebut, KOSMA merupakan antara dua (2) syarikat terbaik bagi pencapaian hasil. Antara punca kekurangan hasil iaitu masalah buruh yang perlu diselesaikan secara berterusan di samping kekurangan hujan bagi tahun 2014 dan 2015. Walau bagaimanapun kuantiti taburan hujan adalah memuaskan bagi dua tahun berikutnya. Oleh yang demikian kemungkinan bagi tahun 2018 dan 2019 hasil akan jauh meningkat.
- iv. Seterusnya, YH Dato' Bendahari memaklumkan mengenai statistik perbandingan OER 2016 berbanding KOSMA :-

	OER (%)
TDM Berhad	19.6
Felda Global Ventures Holding Berhad (FGV)	20.7
Tabung Haji	20.1
Boustead Holdings Berhad	21.5
Chin Teck Plantations	19.5
United Malacca Bhd	19.9
Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK)	20.2
Far East Holding	18.5
KOSMA	19.8

- v. KOSMA berada di zon lebih kurang 20%. Kesimpulannya KOSMA sentiasa berusaha membuat yang terbaik dengan memastikan agar kadar perahan minyak dikekalkan, penjagaan kualiti buah sawit dan pemantauan kilang secara berterusan agar mencapai prestasi yang baik.

3.15 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** melahirkan rasa bangga atas pencapaian KOSMA pada hari ini :-

- i. Seterusnya, beliau mohon penerangan daripada Pengurus Besar mengapa purata hasil/hektar 2016 rendah bagi empat (4) ladang seperti berikut :-

Ladang	Purata Hasil/hektar 2016
Ladang Gajah Jinak	16.52
Ladang KOSMA 6	17.15
Ladang KOSMA 9	16.02
Ladang KOSMA 8	16.10

- ii. Mohon penerangan mengenai tindakan yang diambil bagi mengatasi kelemahan ini dan isu berkaitan El-Nino.

- 3.16 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan KOSMA perlu mengambil kira mengenai penanaman semula. Berdasarkan kepada profil umur pokok, perlu dilihat peratusan pokok tua, matang dan baru matang serta masih banyak pokok muda yang baru mengeluarkan hasil kerana itu juga boleh menyumbang kepada faktor purata hasil yang rendah.
- 3.17 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** merujuk laporan penanaman semula ladang KOSMA bagi tahun 2016 dan mempersoalkan mengenai berapa jumlah hasil sebenar bagi kawasan tanam semula tersebut.
- 3.18 **Encik Ab. Gafa bin Keme (Anggota : 1961)** mahukan kepastian sehingga bila KOSMA akan menggunakan agen perladangan. Beliau juga mempersoalkan mengapa KOSMA yang mempunyai ladang berkeluasan 38 ribu ekar tidak boleh mewujudkan pengurusan ladangnya sendiri sebagaimana syarikat lain yang berkeluasan lebih dari 30 ribu ekar. Merujuk kepada laporan tahun lepas, KOSMA telah memperuntukkan bayaran kepada agen perladangan sebanyak RM2 juta. Beliau menyarankan agar menguruskan ladangnya sendiri bagi memudahkan pengurusan dan boleh menjimatkan kos.
- 3.19 **YH Dato' Pengerusi** menerima baik pandangan tersebut.
- 3.20 **YH Dato' Haji Muhamad bin Abdullah (Anggota : 2766)** merujuk muka surat 61, perkara 3.4 mengenai Anggota Lembaga berjawatan. Beliau mohon penjelasan mengapa KOSMA perlu melantik sehingga tujuh (7) orang Anggota Lembaga berjawatan. Selain itu, beliau juga ingin tahu mengenai tugas dan tanggungjawab mereka serta menyarankan lantikan tersebut dikurang kepada tiga atau empat orang sahaja kerana dikhawatir terdapat tugas yang berlapis.
- 3.21 **YH Dato' Sri Pengerusi** menerangkan bahawa semua perkara yang dilaksanakan tidak lari dari peruntukan yang tertakluk di dalam UUK termasuk perkara mengenai tugas dan tanggungjawab Anggota Lembaga.
- 3.22 **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)** menyatakan bahawa apa yang dilaksanakan oleh Anggota Lembaga sedia ada sudah baik. Beliau juga menyingkap kembali zaman beliau menjadi Anggota Lembaga terutama zaman pengambilalihan ladang. Tambah beliau dividen unit ladang yang diterima sebanyak RM3,500 seunit pada hari ini kemungkinan tidak pernah diterima di syarikat lain. Sepatutnya kita berterima kasih kepada Anggota Lembaga sedia ada kerana telah berusaha sehingga dapat memberi pulangan lumayan kepada anggota.
- 3.23 **Encik Ahmad Mustafa bin Zainal Abidin (Anggota : 2623)** mencadangkan agar agenda ini diterima dan Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini bersetuju sebulat suara menerima Laporan lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2016/2017.

4.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN – AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA JIKA ADA TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBES 2016 – KMA 04/2016

- 4.1 **YH Dato' Bendahari mewakili Anggota Lembaga** membentangkan kertas Bil:KMA.04/2016 Menimbang dan Meluluskan :-
- Akaun - akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 (muka surat 1-58)
 - Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 KOSMA Holdings Sdn Bhd (muka surat 1-24)
 - Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 KOSMA Tourism Sdn Bhd (muka surat 1-24)
- 4.2 **Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin (Anggota : 2028)** merujuk Laporan Penyata Kewangan KOSMA muka surat 7 berkenaan Keuntungan Bersih Tahun Semasa. Lebihan peruntukan dividen dicadangkan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 5% bersamaan RM2,919,086. Pada tahun lepas Mesyuarat Agung meluluskan pembayaran Dividen modal syer sebanyak 30% namun Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) hanya meluluskan 25% sahaja. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan supaya Anggota Lembaga membuat rayuan kepada pihak SKM agar lebih 5% tersebut diluluskan untuk dibayar pada tahun ini.
- 4.3 **YH Dato' Bendahari** mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang dikemukakan.
- Berdasarkan kepada laporan tahun lepas, Mesyuarat Agung meluluskan 30% dividen modal syer namun SKM hanya meluluskan 25%. Maka baki di bawah ke hadapan dalam akaun 2016 iaitu RM2,919,086.
 - Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Juruaudit luar yang telah membuat pengauditan serta telah mengiktiraf penyata kewangan ini sebagai Akaun Teraudit tanpa syarat, Ini bermakna pentadbiran kewangan KOSMA telah diuruskan dengan baik dan memuaskan pihak Juruaudit dan SKM. Berhubung dengan cadangan mengenai baki 5% tadi, ini terpulang kepada anggota untuk menjadikan cadangan tersebut sebagai usul pada hari ini untuk diluluskan.
- 4.4 **YH Dato' Mohamad Zawawi bin Mahmud, Pengarah SKM Cawangan Negeri Pahang** bersetuju dengan pandangan YH Dato' Bendahari dan sekiranya majoriti anggota pada hari ini bersetuju untuk membuat rayuan, pihak KOSMA boleh membuat rayuan 5% untuk dividen modal syer tahun 2015 untuk dipertimbangkan semula oleh SKM.
- 4.5 **YH Dato' Bendahari** mengucapkan terima kasih kepada Pengarah SKM Pahang di atas pandangan beliau dan meminta anggota berkenaan mencadangkan secara rasmi untuk diluluskan sebulat suara dalam Mesyuarat Agung pada hari ini.
- 4.6 **Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin (Anggota : 2028)** mencadangkan agar lebihan peruntukan dividen tahun 2015 sebanyak 5% seperti dalam penyata kewangan di muka surat 14 ini dibuat rayuan kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan disokong oleh **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623)**, Mesyuarat Agung pada hari ini sebulat suara bersetuju menyokong cadangan ini.

- 4.7 **YH Dato' Pengerusi** berkata sekiranya SKM memberi kelulusan atas perkara tersebut maka KOSMA akan membuat bayaran bagi lebihan peruntukan dividen 2015 tersebut.
- 4.8 **Encik Kamarul Baharin bin Ab Rahman (Anggota : 2175)** mengucapkan terima kasih kepada Pengarah SKM yang memberi pandangan supaya KOSMA membuat rayuan atas lebihan peruntukan 5% tersebut. Seterusnya beliau menarik perhatian mengenai perkara perundangan iaitu:-
- Merujuk muka surat 54, Nota 36 - Pelbagai perbelanjaan bagi item Yuran guaman. Pada penelitian beliau, yuran guaman dicatatkan sebanyak RM588,256 bagi tahun 2015 meningkat kepada RM630,796. Persoalan beliau iaitu apakah yang menyebabkan pertambahan kos guaman tersebut dan berapakah jumlah lagi yang perlu dibayar oleh KOSMA.
 - Selain itu, beliau menyarankan agar diwujudkan Unit Perundangan di KOSMA supaya segala risiko ataupun perkara-perkara yang melibatkan perundangan dalam semua bidang yang diceburi oleh KOSMA itu dapat dibuat kajian. Tatacara bekerja yang sempurna perlu dimulakan kerana ia merupakan salah satu intipati jika ingin berada di bawah standard ISO.
- 4.9 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan :
- Bahawa Yuran Guaman tersebut adalah berdasarkan kepada keputusan mahkamah iaitu KOSMA perlu membayar tuntutan 'court taxation' yang telah dikemukakan oleh Tetuan Mahindar & Co dengan kadar yang diluluskan berjumlah RM432,000 manakala yang lain merupakan caj yuran guaman lain menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM630,796.
 - Berhubung dengan cadangan penubuhan unit perundangan tersebut beliau memaklumkan bahawa KOSMA telah menuahkan Jawatankuasa Perundangan yang terdiri daripada peguam yang juga merupakan anggota KOSMA. KOSMA juga telah mendapatkan nasihat daripada jawatankuasa sebelum sebarang tindakan diambil.
- 4.10 **Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah (Anggota : 0921-A)** menyatakan bahawa KOSMA masih mempunyai banyak kes yang tertangguh. Beliau memohon pencerahan mengenai kes-kes yang masih berjalan dan yang telah selesai di mana kos yang ditanggung oleh KOSMA begitu tinggi. Beliau menyatakan apakah tindakan Anggota Lembaga sekiranya terdapat kes-kes yang timbul melibatkan perkara yang bertentangan dengan Undang-undang Kecil.
- 4.11 **Tuan Setiausaha** menerangkan berhubung dengan jumlah bayaran guaman seperti berikut :-
- Walaupun jumlahnya agak tinggi, sebahagian besar kos-kos tersebut adalah berkaitan dengan tuntutan bil-bil peguam yang telah mengendalikan kes pengkorporatan pada tahun 2001 sehingga 2002 dengan jumlah sebenar yang dituntut adalah sebanyak RM58 juta. Namun kes ini telah diselesaikan hingga ke peringkat Mahkamah Rayuan yang telah membuat keputusan menolak tuntutan tersebut. Walau bagaimanapun Mahkamah telah membenarkan mereka membuat tuntutan 'case by case' supaya bil-bil tersebut dicukai. Bagi tahun 2016 ini, bayaran 'bill of cost' ini berjumlah RM432,000, namun jumlah sebenar yang dituntut iaitu RM2.8 juta di mana KOSMA hanya membayar sekitar 15% sahaja.
 - Mereka boleh mengemukakan 'bill of cost' ini dalam tempoh enam (6) tahun iaitu daripada tahun 2013 sehingga 2019. Bagi tahun 2016 juga KOSMA telah menyelesaikan kes-kes sedia ada dan yang terbaru berkaitan dengan kes bekas kakitangan KOSMA yang telah diselesaikan

1226	2869	ABDUL GHAFAR BIN HUSSIN	650413065449	HADIR
1227	2870	MUHAMMAD AKMAL BIN AMIRUDIN	830220065651	HADIR



Disediakan Oleh :-

NORHAIDZAN BINTI HAJI HUSSIN
Pembantu Tadbir
Bahagian Keanggotaan/Sekretariat

Disemak Oleh :-

ERIAH BINTI SHAHARUDDIN
Eksekutif Kewangan

ABDUL GHAFAR BIN HUSSIN
Setiausaha Eksekutif

Disahkan Betul Oleh :-

SHAMSUL ANUAR BIN HAJI HUSSIN
Pengurus Kewangan/Pemangku Pengurus Besar
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad

UCAPAN PENGERUSI KOSMA MESYUARAT AGUNG KALI KE 35 PADA 20 MEI 2017

“

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera.

Saudara Pengacara Majlis,

Saudara Saudari, YB Dato' Hassan Ariffin, Dato' Pengarah SKM Pahang Dato' Mohamad Zawawi bin Mahmud, Tan Sri, Dato' Sri, Dato'-Dato', Anggota KOSMA dan sekalian yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke 35 pada pagi ini. Selamat datang anggota dari Jauh dan dekat.

Alhamdulillah, Salam dan Salawat kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan Sahabat Baginda, kita masih lagi diizinkan dapat berjumpa, berbicara, menikmati rezeki kesekalian kalinya dan dapat pula memutuskan perkara-perkara keperluan bersama dalam Organisasi KOSMA pada tahun ini. Pihak kami Anggota Lembaga tidak jemu-jemu merangka dan menyusun strategi demi masa depan KOSMA yang tidak semata-mata menumpukan kepada sektor industri sawit sahaja.

Dalam persidangan ASEAN yang ke 50 baru-baru ini di Filipina, YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah menimbulkan kebimbangan dan akan membawa kesan buruk kepada pekebun-pekebun kecil sawit yang terlibat, kira-kira seramai 600 ribu orang di Malaysia, 2.4 juta di Indonesia dan termasuk juga sebilangan di Thailand. Ini berikutan keputusan European Parliament yang mengaitkan Industri Kelapa Sawit dengan pemuliharaan hutan. Jika keputusan Negara Kesatuan Eropah ini dikuatkuasakan, tentu sekali akan menjadikan Industri sawit di Malaysia khususnya. Diharap tidak sampai ke tahap demikian.

Saudara-saudari sekalian,

KOSMA telah menjangkau usianya 50 tahun pada tahun 2017 ini, yakni biasa disebut sebagai 'Jubli Emas'. Sejak 50 tahun berlalu dengan keluasan 55 ribu ekar tanah kurniaan Kerajaan Pahang, tinggal hanya 38 ribu ekar sahaja. Selama 50 tahun juga proses menebang, balak, menebas, meracun, menanam, kadang-kadang tersalah benih serta melalui proses pembangunan dari hutan belantara menjadikan ladang yang betul-betul mendapat pulangan kira-kira 10 tahun yang lalu. 50 tahun bukannya masa yang singkat. Ianya berlaku dengan penuh liku, halangan dan masalah, sukaduka yang dihadapi oleh KOSMA yang perlu juga disingkap kembali. Jangan lupa kepada Pemimpin Kerajaan Pahang 50 tahun lalu berpandangan jauh. Bersyukur dan terima kasih kita. Jangan mengaku hak kita, harta kita dengan share RM10.00 sebulan dapat beli tanah ladang begini.

Zaman kegemilangan harta, zaman perebutan dan peralihan kuasa, zaman kantong kering, zaman ber hutang dan zaman membayar hutang. Zaman langsung tak boleh membentang Laporan Kewangan dalam Mesyuarat Agung Tahunan seperti sekarang. Bahkan tak ada Mesyuarat Agung terus zaman turun naik Mahkamah yang masih berbaki



lagi hingga ke hari ini. Sepanjang sejarah yang dilalui, hingga kini kira-kira 187 Anggota Asal 66/70 yang masih ada bersama kita. Di antaranya PM Bhaskara Dass (No. 0009) Kuala Lumpur, Dzulkarnain bin Abdul Ghani (No. 0020) Kuantan, Yap Kong Fook (No 0053) Petaling Jaya, Lockman bin Radin Saleh (No. 0062) Kuantan, G.Balasundram a/l G. (No. 0070) Kuantan, Idris bin Mohd Nor (No. 0080) Kuantan. Ada yang langsung tidak pernah menerima nikmat yang kita rasai seperti sekarang.

Namun begitu, mereka yang telah pergi itu tetap berjasa kepada pembangunan KOSMA yang dapat kita teruskan kesinambungannya. Maka, KOSMA tidak pernah melupai mereka yang masih tetap dalam kenangan bersama. Sebab itu KOSMA adalah satu-satunya Koperasi yang menerima turunkan hak keanggotaan jika memenuhi syarat yang termaktub dalam UUK Fasal 18.

Sempena 50 tahun/Jubli Emas ini, sudah sampai masanya, KOSMA perlu berhati-hati dan mengalih arah sampingan perniagaan untuk menentukan halatujunya supaya KOSMA kekal dan bertambah syukur dengan apa yang kita kecapi hari ini. Bahkan sepatutnya akan mendapat pertambahan pendapatan yang lebih lagi, sesuai dengan kehendak ekonomi global yang boleh dicapai oleh warganya dalam sebuah negara Malaysia maju pada masa akan datang, Insya Allah.

Kepada anggota-anggota KOSMA, selalu ditekan iaitu apa yang perlu mestilah kita memahami semasaki-masaknya Akta Koperasi, Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Undang-undang Kecil KOSMA sendiri. Hingga kini masih didapati ada di antara anggota yang tidak memahami sedalam-dalamnya akan Undang-undang Kecil KOSMA itu sendiri. Apatah lagi Akta Koperasi serta peraturan-peraturan yang telah diluluskan bersama dalam Mesyuarat Agung. Perkara ini berlaku kerana masih terdapat anggota-anggota yang baru terutama mereka yang menerima pindahmilik. Mereka telah memberi pendapat, hujah dan cadangan di luar bidang yang termaktub dalam Undang-undang Kecil KOSMA sendiri.

Undang-undang Kecil ini boleh dipinda mengikut fasa-fasa tertentu, jika didapati ada yang tidak sesuai untuk digunakan, dengan membawa cadangan ke Mesyuarat Agung Tahunan untuk diluluskan. Kemudiannya akan diterima oleh Pendaftar Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sebagai contoh :

Bantuan Ekonomi, Pampasan Kematian dan Bantuan Sakit Kritikal, termasuk khususnya dalam Pembahagian Dividen.

Ada perkara-perkara diwujudkan oleh Anggota Lembaga mengikut budi bicara dan keadaan semasa yang dibenarkan oleh peraturan. KOSMA telah ditegur oleh SKM kerana menggunakan Tabung Peruntukan yang salah dan sudah semestinya menyalahi peraturan kewangan Koperasi dalam hal pembahagian Bantuan-bantuan Kewangan tersebut.

Menyentuh tentang sambutan Jubli Emas, KOSMA telah mengatur programnya seperti Sukan, Bantuan Kebajikan, Perasmian Kompleks Pejabat dan Perasmian Masjid di Ladang



KOSMA pada 10 Jun 2017 seperti surat jemputan yang diedarkan. Satu Majlis Jamuan Perdana pula dijadualkan pada bulan Oktober nanti. Surat jemputan kepada semua anggota akan diedarkan kelak. Sambutan ini sudah tentu menggunakan sedikit belanja yang berpatutan dengan tidak menjelaskan pembahagian dividen dan perbelanjaan pembangunan yang lain seperti biasa.

Sebarang sambutan seperti ini tidak pernah lakukan oleh KOSMA dalam masa 50 tahun. Sambutan seperti ini bukanlah sebagai agenda yang ganjil (atau hidup seperti zaman batu lagi). Sudah tentu dengan sambutan ini memberikan hubungan rapat antara Tenaga Kerja, Anggota KOSMA dan masyarakat.

Program Perasmian Kompleks dan Masjid, Jamuan Perdana ini telah dipohon untuk dimasukkan sebagai Program Kerajaan Negeri sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan KDYMM Tuanku Sultan Pahang pada tahun ini. Semua majlis ini telah mendapat perkenaan Baginda KDYMM Pemangku Sultan yang akan berangkat merasmikan majlis tersebut. Sehubungan dengan Jubli Emas juga pihak Yayasan KOSMA akan menerbitkan 'Buku 50 Tahun KOSMA' yang mengandungi sejarah awal pembukaan ladang dan liku-liku perjalanan KOSMA sepanjang 50 tahun ini.

Saudara saudari Anggota KOSMA yang dikasihi,

Marilah kita bersama menghadiahkan 'Ummul Kitab' kepada Allahyarham Dato' Haji Mohd Suah bin Burok yang telah kembali ke Rahmatullah pada 17 Disember 2016 yang lalu. Allahyarham merupakan seorang Ahli Lembaga Pengarah KOSMA yang gigih berjuang dan berjasa memulihkan KOSMA ke landasan yang betul seperti yang ada sekarang. 'Jasamu tetap dikenang.' Al-fatihah.

Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Tahun ini, seramai 13 orang calon lama dan baru telah menawarkan diri bertanding untuk dipilih. Terserahlah kepada Anggota KOSMA menentukan pilihan mereka, kerana yang boleh menilai kewibawaan seseorang calon adalah Anggota KOSMA sendiri. Saya percaya pada kali ini tiada lagi suara-suara sumbang yang memburuk-burukan sesama sendiri di antara calon-calon yang menawarkan diri. Jika ada juga berlaku, mereka itu calon yang paling degil/babel di antara kita. Pilihan tahun ini seramai 4 orang Ahli Lembaga Pengarah, yang mana seorang untuk memenuhi ALP yang kosong (meninggal dunia). Mana-mana calon yang menang tempat ke-4 akan bertanding sekali lagi pada pemilihan tahun hadapan (2018) jika ianya sudi menawarkan diri semula.

Di antara calon baru yang menawarkan diri kali ini seperti YH Dato' Abdul Manan bekas Pengerusi Audit KOSMA yang juga bekas Penjawat Awam/Pegawai Tadbir Kerajaan. Saudara Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abdul Rahman, Bekas Pengurus Bank. Mereka telah melibatkan diri dalam KOSMA sebagai Audit Dalam dan Jawatankuasa Kecil. Baru di sini bermaksud belum pernah menawarkan diri termasuk Dato' Zamri. Pemilihan ini biarlah mereka yang benar-benar bermotivasi, berwibawa, mantap, matang, sehaluan dan tahu memimpin KOSMA dengan mengenepikan agenda peribadi.

Bagi saya sendiri yang menawarkan diri pada tahun ini adalah kali terakhir. Saya telah



masak benar tentang sepak terjang ALP, Anggota-anggota KOSMA kakitangan dan pihak luar yang ada kaitan dengan KOSMA. Oleh itu saya tidak berkecil hati jika Anggota-anggota KOSMA telah jemu dan tidak sudi lagi memilih saya, kerana tunjuk ajar melayari bahera KOSMA mungkin telah mengenalpasti nakhoda atau juragan, maupun juruselam baru yang lebih berkaliber. Sebab itulah saya tidak berkempen atau sebagainya, hanya saya telah diberitahu oleh Pengurus Pemilihan sebagai Calon No 13 iaitu calon terakhir – No 13 nombor orang kurang yakin, akan membawa tuah. Sedangkan itulah nombor yang amat mudah diingati, tanpa berfikir lama-lama.

Akhirnya saya percaya, Buku Laporan Tahunan dan Kewangan yang telah dibekalkan dua minggu lalu itu, Anggota KOSMA telah meneliti dan memahaminya. Mereka diharapkan tidak banyak karenah atau masalah yang akan ditimbulkan.

Saya mengucapkan ‘Selamat Menyambut Ramadhan Al Mubarak’ dan seterusnya ‘Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri’ dan mendoakan semoga Allah SWT memberkati mesyuarat, usaha dan amalan kita.

Maaf Zahir – Terima Kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Mesyuarat Agung KOSMA pada tahun ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

AGENDA : 3 KERTAS BIL : KMA. 03/2017

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2017/2018

1.0 PENDAHULUAN

Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) bagi tahun 2017/2018 untuk makluman anggota-anggota sekalian.

2.0 KEANGGOTAAN

Sehingga 31 Disember 2017 jumlah anggota KOSMA adalah seramai 1,665 orang dan jumlah kedudukan Modal Syer dan Unit Ladang anggota KOSMA adalah seperti dalam buku Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

3.0 MESYUARAT LEMBAGA (SEHINGGA MAC 2018)

- 3.1 Anggota Lembaga telah mengadakan 13 Mesyuarat iaitu 9 Mesyuarat Lembaga dan 4 Mesyuarat Lembaga Khas seperti Jadual di bawah :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
20.05.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 1-2017/2018
20.06.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 2-2017/2018
27.07.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 3-2017/2018
29.08.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 4-2017/2018
02.10.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 5-2017/2018
10.10.2017	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 1-2017/2018
06.11.2017	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 2-2017/2018
24.11.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 6-2017/2018
10.12.2017	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 3-2017/2018
28.12.2017	Mesyuarat Lembaga Bil 7-2017/2018
30.01.2018	Mesyuarat Lembaga Bil 8-2017/2018
26.02.2018	Mesyuarat Lembaga Bil 9-2017/2018
29.03.2018	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 4-2017/2018

- 3.2 Sehingga Mac 2018, senarai kehadiran Anggota-anggota Lembaga KOSMA bagi mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut :

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	12/13
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Timbalan Pengerusi	13/13
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Setiausaha	13/13
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Bendahari	13/13

YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Wakil Kerajaan	10/13
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz	Wakil Kerajaan	10/13
YH Dato' Hajjah Nazilah Bt Abd Latif	Anggota Lembaga	12/13
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Anggota Lembaga	13/13
Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	Anggota Lembaga	13/13
YH Dato' Haji Abdul Manan Bin Abdul Rahman	Anggota Lembaga	12/13
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Anggota Lembaga	13/13

3.3 Mesyuarat Lembaga Bil 01-2017/2018 yang diadakan pada 20 Mei 2017 telah memilih dan melantik Anggota Lembaga Berjawatan seperti berikut:-

Nama	Jawatan
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Timbalan Pengerusi
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Setiausaha
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Bendahari

3.4 Senarai Anggota Lembaga Penuh beserta Jawatan adalah seperti berikut :

Nama	Jawatan
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Pengerusi J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA • Ahli Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd • Pengerusi J/K Pengurusan Risiko dan Integriti • Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Pengurusan Ar Rahnu • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	<ul style="list-style-type: none"> • Setiausaha J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Setiausaha J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Setiausaha J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tataterib • Setiausaha J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Perundangan • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA • Ahli Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus J/K Pengurusan Ar-Rahnu KOSMA
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus J/K Pengembangan, Perniagaan dan Aset KOSMA • Ahli J/K Perundangan • Ahli J/K Pengurusan Risiko dan Integriti
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus J/K Perundangan • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Pengurusan Ar Rahnu
Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus J/K Kebajikan Anggota, Seranta Dan Penerbitan • Ahli J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tata tertib • Ahli J/K Pengurusan Risiko dan Integriti
YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurus J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tata tertib • Ahli J/K Pengembangan, Perniagaan dan Aset KOSMA
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tata tertib • Ahli J/K Pengembangan, Perniagaan dan Aset KOSMA • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd

3.5 Laporan Aktiviti Lembaga yang telah dijalankan.

Tarikh	Aktiviti
20.07.2017	Majlis Kesukuran serta Tahlil Doa Selamat di Kompleks Perladangan KOSMA
02.08.2017	Pra-Pelancaran Hari Koperasi Negara 2017 di Dewan Atabara Indera Mahkota
04.08.2017	Lawatan ke Ar Rahnu KOSMA oleh Koperasi Pekebun Kecil Daerah (KOPJET)
12.08.2017	Perasmian Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Pahang di Dataran Simpang Pelangai, Bentong

17.08.2017	Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Disempurnakan oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang di Istana Abdul Aziz
09.10.2017	Majlis Taklimat/Penerangan kepada Anggota Baru KOSMA di KOSMA Business Hotel
22.10.2017	Majlis Santapan/Jamuan Malam KOSMA di Hotel Zenith, Kuantan
16.11.2017	Lawatan dan Taklimat Operasi Ladang oleh Kolej Yayasan Pahang di Ladang KOSMA
02.02.2018	Lawatan Penilaian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Ibu pejabat
12.02.2018	Majlis Taklimat/Penerangan kepada Anggota Baru KOSMA di Ibu pejabat
29.02.2018	Majlis Penyerahan Cukai Tanah dan Cukai Taksiran KOSMA di Majlis Daerah Rompin
20.03.2018	Hari Koperasi Negara 2018 di Melaka
29.03.2018	Persidangan Negeri ANGKASA Pahang Zon 1, 2018

4.0 LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL (SEHINGGA MAC 2018)

4.1 Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan

- 4.1.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 13 kali termasuk 3 kali mesyuarat khas seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
29.05.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 1-2017/2018
13.06.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 1-2017/2018
07.07.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 2-2017/2018
18.07.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 2-2017/2018
15.08.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 3-2017/2018
12.09.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 4-2017/2018
19.10.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 5-2017/2018
22.11.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 6-2017/2018
13.12.2017	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 7-2017/2018
15.01.2018	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 8-2017/2018
19.02.2018	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 9-2017/2018
14.03.2018	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 10-2017/2018
28.03.2018	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 3-2017/2018

- 4.1.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	13/13
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Timbalan Pengerusi	13/13
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Setiausaha	13/13
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Bendahari	13/13

4.2 Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset

- 4.2.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali seperti jadual berikut:-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
22.11.2017	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 1-2017/2018
13.12.2017	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 2-2017/2018
19.02.2018	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 3-2017/2018

- 4.2.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	3/3
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Jawatankuasa	3/3
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	3/3

- 4.2.3 Aktiviti yang dijalankan.

- 13.12.2017 - Rundingan dengan syarikat-syarikat pembekal baja mengenai keperluan baja Kumpulan Perladangan KOSMA bagi Separuh Pertama Tahun 2018.
- 19.02.2018 - Runding Harga Kontraktor-Kontraktor Bagi Projek Pembinaan Jambatan Di Kumpulan Perladangan KOSMA

4.3 Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib

- 4.3.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali dan 1 mesyuarat khas seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
31.07.2017	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 1-2017/2018
22.08.2017	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Khas Bil 1-2017/2018
04.10.2017	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 2-2017/2018
08.02.2018	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 3-2017/2018
08.03.2018	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 4-2017/2018

4.3.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	Pengerusi	5/5
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Setiausaha	5/5
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Jawatankuasa	5/5
Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	Jawatankuasa	5/5
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Jawatankuasa	5/5
Puan Rosnah bt Jaafar	Jawatankuasa	5/5
Encik Abdul Hamid bin Ghazali	Jawatankuasa	5/5
Puan Noriah bt Md Noor	Jawatankuasa	5/5

4.3.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 22.08.2017 - Taklimat Pengendalian Prosedur Siasatan Dalaman.
- ii. 17.10.2017 - Bengkel Menyemak dan Mengemaskini Peraturan dan Syarat-syarat Perkhidmatan KOSMA Bil 1
- iii. 05.12.2017 - Bengkel Menyemak dan Mengemaskini Peraturan dan Syarat-syarat Perkhidmatan KOSMA Bil 2
- iv. 24.01.2018 - Bengkel Menyemak dan Mengemaskini Peraturan dan Syarat-syarat Perkhidmatan KOSMA Bil 3

4.4 Jawatankuasa Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan

4.4.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali iaitu seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
18.07.2017	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 1-2017/2018
14.09.2017	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 2-2017/2018
14.11.2017	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 3-2017/2018

4.4.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Kehadiran
Drs Kamarazaman Bin Haji Zainal Abidin	Pengerusi	3/3
YH Dato' Haji Khadri Bin Musa	Setiausaha	3/3
YH Dato' Haji Abdullah bin Majid	Jawatankuasa	2/3
YH Dato' Haji Abdul Aziz Bin Abdullah	Jawatankuasa	1/3
Tuan Haji Bahaudil @ Bahaudin Bin Hussin	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Eddy Sabri Bin Mohd	Jawatankuasa	3/3

Tuan Haji Alias Bin Mohd Noor	Jawatankuasa	3/3
Puan Nooraini Binti Mohmood <i>(Telah Kembali Ke Rahmatullah Pada 1 Januari 2018)</i>	Jawatankuasa	3/3
Mr Ganesan A/L Sockalingram	Jawatankuasa	2/3
Encik Mohd Khiri Bin Dahlan	Jawatankuasa	3/3
Puan Ong So Eng	Jawatankuasa	3/3
Encik Zainal Bin Endut	Jawatankuasa	3/3
Encik Mohd Faisal Bin Mohd Yusof	Jawatankuasa	3/3

4.4.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. Merencanakan perlaksanaan Program Jubli Emas KOSMA – Jawatankuasa Kebajikan dan Sosial
- ii. Menerbitkan Buletin KOSMA iaitu Terbitan ke 25 - Ogos 2017.

4.5 Jawatankuasa Perundangan

- 4.5.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali iaitu seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
25.08.2017	Mesyuarat JK Perundangan Bil 1-2017/2018
26.03.2018	Mesyuarat JK Perundangan Bil 2-2017/2018

- 4.5.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Kehadiran
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Pengerusi	2/2
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Jawatankuasa	2/2
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	Jawatankuasa	2/2
Tuan Haji Mohd Azhar bin Sulong	Jawatankuasa	1/2
Tuan Haji Shaari bin Harith	Jawatankuasa	2/2
Encik Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh	Jawatankuasa	2/2
Puan Rosdalina bt Dahlan	Jawatankuasa	0/2

4.5.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. Pemantauan kes-kes Mahkamah yang sedang dihadapi oleh KOSMA.
- ii. Menyemak cadangan pindaan Undang-undang Kecil KOSMA.

4.6 Jawatankuasa Pengembangan Perniagaan dan Aset KOSMA

- 4.6.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa Pengembangan Perniagaan dan Aset KOSMA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
07.08.2017	Mesyuarat JK Pengembangan Perniagaan dan Aset KOSMA Bil 1-2017/2018
27.12.2017	Mesyuarat JK Pengembangan Perniagaan dan Aset KOSMA Bil 2-2017/2018
22.02.2018	Mesyuarat JK Pengembangan Perniagaan dan Aset KOSMA Bil 3-2017/2018
23.02.2018	Mesyuarat JK Pengembangan Perniagaan dan Aset KOSMA Bil 4-2017/2018

4.6.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	Jawatankuasa	3/4
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Jawatankuasa	4/4
Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin	Jawatankuasa	4/4
Encik Zaabar bin Ahmad	Jawatankuasa	3/4

4.6.3 Aktiviti dan Perancangan Jawatankuasa

- 27.09.2017 - Kunjung Hormat Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) di Pejabat BPEN Wisma Sri Pahang.
- 22.02.2018 - Kunjung Hormat Pengerusi Buraq Oil Tan Sri Dato' Sri Sabbaruddin Chik di Pejabat Amanah Raya Kuala Lumpur.
- 07.03.2018 - Lawatan tapak di Ladang KOSMA bagi cadangan pembukaan stesen minyak dan R&R.

4.7 Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu

4.7.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
04.08.2017	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 01-2017/2018
20.11.2017	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 02-2017/2018
10.12.2017	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Khas Bil 1-2017/2018
20.02.2018	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 03-2017/2018

4.7.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Abdul Aziz	Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Jawatankuasa	4/4
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	4/4
Tuan Dr Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Othman	Jawatankuasa	3/4
Puan Putri Ruziyana binti S'aban	Jawatankuasa	4/4
Tuan Haji Ibaruslan bin Sulaiman	Jawatankuasa	3/4

4.7.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. Rancangan pembukaan cawangan Ar Rahnu Temerloh.
- ii. 20.02.2018 - Taklimat Pematuhan Syariah oleh ANGKASA.
- iii. 21.03.2018 - Pembentangan kepada JK Syariah ANGKASA bagi pelantikan ANGKASA sebagai panel syariah Ar-Rahnu KOSMA.

4.8 Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti

4.8.1 Bagi sesi 2017/2018, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali iaitu seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
24.08.2017	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti Bil 01-2017/2018
31.01.2018	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti Bil 02-2017/2018

4.8.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Pengerusi	2/2
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	Jawatankuasa	1/2
Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	Jawatankuasa	2/2
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Jawatankuasa	1/2
YH Dato' Haji Azlan bin Uzir	Jawatankuasa	1/2
Tuan Haji Mohd Rahim bin Awang	Jawatankuasa	2/2

4.8.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. Task Force - Unit Pengurusan Risiko

4.9 Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA

4.9.1 Bagi sesi 2017/2018, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
19.01.2017	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 01-2017/2018
17.05.2017	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 02-2017/2018
17.08.2017	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 03-2017/2018
13.11.2017	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 04-2017/2018

4.9.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Abdul Rahman bin Imam Arshad	Timbalan Pengerusi	3/4
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Lembaga	1/4
YH Dato' Haji Wan Abdullah bin Wan Salleh	Lembaga	4/4
YH Dato' Ahmad Fuad bin Dato' Haji Ibrahim	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Abdul Rahim bin Mohamad	Lembaga	4/4
YH Dato' Sri Noorhuda bt Alias	Lembaga	3/4
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Lembaga	4/4

4.9.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Akademi Menara Gading (AMG) Kohort IX 2016/2018
 - Julai 2017 – Kem Modul Akademik 5
 - Ogos 2017 – Kem 8 SBP (Modul Kecemerlangan milik bersama)
 - September 2017 - Kem Modul Akademik 6
 - Oktober 2017 – Kem 9 Analisis Skor ‘A’ SPM
 - Kem 1 Potensi Kecemerlangan Diri & Pemilihan Peserta (AMG Kohort X)
- 10.08.2017 - Outstanding Graduation Student Industry Excellence Awards UNITEN 2017
- 24-27.12.2017 - Kem Motivasi NLP (Neuro Linguistic Programming) Yayasan KOSMA untuk pelajar sekolah menengah tingkatan 2 dan 4, 2017 di Kompleks Perladangan KOSMA
- Menerbitkan buku sejarah “Aspirasi Kegemilangan: sempena 50 tahun penubuhan KOSMA dan telah dilancar rasmikan oleh Pemangku Raja Pahang pada 22 Oktober 2017.

5.0 LAPORAN KOSMA HOLDINGS SDN BHD

5.1 KOSMA Holdings Sdn Bhd ditubuhkan pada 3 Mac 2014 dan ditadbir urus oleh 6 orang ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah tersebut adalah seperti berikut :

5.1.1 Ahli Lembaga Pengarah


Nama	Jawatan
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Pengerusi
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Pengarah
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Pengarah
YH Dato' Haji Zamri Bin Mohamed	Pengarah
YH Dato' Haji Azlan Bin Uzir	Pengarah
En.Kamarul Baharin Bin Dato' Abd Rahman	Pengarah

5.2 Aktiviti

KOSMA Holdings Sdn Bhd menjalankan perniagaan perhotelan yang berkonsepkan moden dan eksklusif serta lain-lain aktiviti iaitu Kedai Serbaneka (COOP Mart D'KOSMA). Bermula Januari 2018, Mesyuarat Lembaga KOSMA telah meluluskan cadangan penstrukturran tiga (3) aktiviti hotel di bawah KOSMA Tourism Sdn Bhd. Tujuan penstrukturran ini dilaksanakan adalah untuk menyatukan aktiviti perhotelan dalam satu pemusat dari segi pentadbiran, kewangan dan operasi. Malah penstrukturran ini dapat memberikan nafas baru kepada semua kakitangan di mana kakitangan boleh bertugas di mana-mana hotel di bawah naungan KOSMA Tourism Sdn Bhd. Kini ketiga-tiga hotel ini telah menggunakan sistem hotel dan akaun yang sama dan selaras di mana ianya boleh dipraktikkan oleh setiap kakitangan hotel.

Penstrukturran ini dapat meningkatkan pendapatan syarikat malah dapat menghasilkan satu kesan kekuatan yang lebih kuat berbanding beroperasi secara bersendirian. Apa yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah, ianya boleh diguna pakai oleh semua hotel dan semua kakitangan kerana penstrukturran ini memberikan satu pelarasian yang seragam. Tiada perbezaan polisi selepas pelaksanaan penstrukturran malah penstrukturran ini telah mewujudkan satu atmosfera keakrabban antara kakitangan KTSB dan Lembaga Pengarah sendiri.

Carta Organisasi Pengurusan KOSMA Holdings Sdn Bhd



5.3 KOSMA Tourism Sdn Bhd

- 5.3.1 Selaras dengan penstrukturkan semula aktiviti KOSMA Holdings Sdn Bhd, mulai 1 Januari 2018, ketiga-tiga aktiviti perhotelan KOSMA berada di bawah satu entiti (KOSMA Tourism Sdn Bhd) iaitu :
- KOSMA Business Hotel
 - KOSMA Boutique Hotel
 - KOSMA Budget Hotel

- 5.3.2 Berikut adalah senarai ahli Lembaga Pengarah bagi sessi 2017/2018.

Ahli Lembaga Pengarah (22.07.2016 – 21.08.2017)

Nama	Jawatan
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	Pengarah
Puan Norazian binti Abdullah	Pengarah
Encik David Allymothy a/l Kaylesam	Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah (21.08.2017 – sekarang)

Nama	Jawatan
YH Dato' Haji Mokhtar bin Mat Salleh	Pengarah
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Pengarah
YH Dato' Haji Azlan bin Uzir	Pengarah

- 5.3.3 Senarai Pengurusan yang baru setelah penstrukturkan semula adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan
Encik Shamsul Anuar bin Hussin	Pengurus
Encik Muhammad Aliff bin Osman	Pegawai Operasi I
Cik Norazizi binti Ismail	Pegawai Operasi II
Nurfarhana binti Mohd Zaimi	Penyelia Pentadbiran
Puan Zaiton bt Hakimisakuma	Penyelia Kewangan
Puan Nurul Wahida bt Jilani	Penolong Penyelia Kewangan

- 5.3.4 Prestasi sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :-

	OR Sehingga 31 Disember 2017	Sasaran OR bagi tahun 2018
Business Hotel	46%	60%
Boutique Hotel	38%	60%
Budget Hotel	58.3%	70%

5.3.5 Dari segi pendapatan KOSMA Tourism Sdn Bhd boleh dirujuk di Laporan dan Penyata Kewangan KOSMA Tourism Sdn Bhd bagi tempoh berakhir 31 Disember 2017.

6.0 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

6.1 Pendahuluan

Laporan ini disediakan bagi memenuhi kehendak subperenggan 32 (1) (b) Undang-undang Kecil KOSMA untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 36.

6.2 Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sessi 2017/2018 adalah seperti berikut :-

- | | |
|---|--------------|
| • Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman | - Ketua |
| • Tuan Haji Ibrahim bin Ali | - Setiausaha |
| • YH Dato' Alias bin Abdullah
(Letak jawatan pada 1 Ogos 2017) | - Anggota |
| • Encik Ahmad Zambri bin Abd Aziz | - Anggota |
| • Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah | - Anggota |
| • Encik Muslim bin Umar
(Dilantik pada 1 Disember 2017) | - Anggota |

6.3 Mesyuarat Jawatankuasa

Bagi tempoh Julai 2017 hingga Mac 2018, Jawatankuasa Audit Dalaman telah mengadakan 4 kali mesyuarat seperti senarai kehadiran berikut :

Nama	Jawatan	Kehadiran
Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman	Ketua	4/4
YH Dato' Alias bin Abdullah (Letak jawatan pada 1 Ogos 2017)	Anggota	1/4
Encik Ahmad Zambri bin Abd Aziz	Anggota	4/4
Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah	Anggota	4/4
Encik Muslim bin Umar (Lantikan mulai 1 Disember 2017)	Anggota	2/4
Tuan Haji Ibrahim bin Ali	Setiausaha	4/4

6.4 Program Aktiviti JKAD bagi sessi 2017/2018

Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut adalah :-

Tarikh	Aktiviti
Julai 2017	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat JKAD Bil 1-2017/2018 • Tugasan Audit Hotel-Hotel KOSMA – Suku Tahun Ke 2 • Tugasan Audit Ar Rahnu & Kedai Serbanika – Suku Tahun Ke 2 • Majlis Taklimat Kakitangan di Ladang

Ogos 2017	<ul style="list-style-type: none"> Tugasan Audit Ibu Pejabat & Yayasan KOSMA - Suku Tahun Ke 2 Tugasan Audit di Ladang KOSMA – Suku Tahun Ke 2 Menghadiri Hari Koperasi Negara
September 2017	<ul style="list-style-type: none"> Tugasan Audit di Ladang KOSMA – Suku Tahun Ke 2 Penyediaan Laporan Audit – Suku Tahun Ke 2 Exit Meeting bersama Anggota Lembaga KOSMA Mesyuarat JKAD Bil 2-2017/2018
Oktober 2017	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Laporan Audit –Suku Tahun Ke 2 Exit Meeting bersama Pengurusan KOSMA Semakan Draf Laporan Audit Exit Meeting bersama Arkitek Yusdi Yusof Tugasan Audit di Hotel KTSB dan Boutique – Suku Tahun Ke 3 Tugasan Audit di Hotel Business dan Yayasan – Suku Tahun Ke 3 Tugasan Audit di Ar Rahnu – Suku Tahun Ke 3
November 2017	<ul style="list-style-type: none"> Tugasan Audit di Ibu Pejabat – Suku Tahun ke 3 Semakan stok barang di Kedai Serbanika Tugasan Audit di Ibu pejabat Tugasan Audit di Ladang KOSMA Penyediaan dan semakan Laporan Audit – Suku Tahun Ke 3
Disember 2017	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Laporan Suku Tahun Ke 3 Semakan Laporan Suku Tahun ke 3 Mesyuarat JKAD Bil 3-2017/2018 Exit Meeting bersama Pengurusan KOSMA Penyediaan Laporan Audit Suku Tahun Ke 3 Semak stok hujung tahun – Bersama Juruaudit Luar <ul style="list-style-type: none"> Baja Ladang KOSMA Stok barang Kemas dan wang tunai Ar Rahnu Stok barang Kedai Serbaneka
Januari 2018	<ul style="list-style-type: none"> Tugasan Audit di Ibu pejabat - Suku Tahun Ke 4 Tugasan Audit di Ar Rahnu – Suku Tahun Ke 4 Tugasan Audit di Yayasan KOSMA – Suku Tahun Ke 4
Februari 2018	<ul style="list-style-type: none"> Tugasan Audit di Ladang KOSMA – Suku Tahun Ke 4 Tugasan Audit di Hotel KOSMA – Suku Tahun Ke 4 Penyediaan Laporan Audit – MAT 36
Mac 2018	<ul style="list-style-type: none"> Semakan Draf Akhir Laporan Audit MAT 36 Penyerahan Laporan Audit MAT 36 – S/U Perbincangan SU/ALP Deraf Laporan Audit MAT 36 Penyediaan Laporan Audit Suku Tahun Ke 4 Mesyuarat JKAD Bil 4-2017/2018

Bagi tempoh April 2017 hingga Mac 2018, anggota Jawatankuasa Audit Dalaman KOSMA telah menjalankan tugas-tugas pengauditan dalam sebanyak empat kali berdasarkan setiap suku tahun iaitu suku tahun kedua, ketiga, keempat tahun 2017 dan suku tahun pertama 2018. Sepanjang tempoh



tersebut, pihak Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) telah membuat beberapa teguran serta pandangan dan semua teguran serta pandangan tersebut diterimabaik oleh pihak pengurusan. Tindakan-tindakan juga telah diambil oleh pihak pengurusan dan pihak JAD berpuashati dengan tindakan-tindakan yang telah diambil.

6.5 Penemuan Audit Dalaman

6.5.1 Keanggotaan

Sehingga 31 Disember 2017, KOSMA mempunyai seramai 1665 orang anggota yang telah menyumbang modal syer sebanyak RM59,375,650.00. Menurut subperenggan 58(1) Undang-Undang Kecil, setiap anggota hendaklah menyumbang modal syer sekurang-kurangnya RM1,000 dan maksima RM50,000. Semakan mendapati seramai 947 orang anggota (56.98 peratus) yang memiliki syer maksima, 4 orang anggota (0.24 peratus) yang memiliki syer minima manakala bakinya seramai 711 orang anggota (42.78 peratus) memiliki nilai syer yang pelbagai amaun.

Cadangan

Sehubungan itu, adalah disarankan semua anggota yang belum memenuhi syer maksima supaya menambah syer mereka ke tahap maksima. Penambahan modal syer tersebut amatlah diperlukan bagi membolehkan KOSMA meningkatkan aktivitinya demi faedah anggota-anggotanya.

6.5.2 Keselamatan Premis Ar-Rahnu KOSMA

Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu merupakan salah satu aktiviti perniagaan KOSMA yang paling aktif dan menguntungkan. Sehubungan itu, keselamatan merupakan faktor utama yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Semakan mendapati keselamatan di premis Ar-Rahnu tersebut boleh diberi pujian kerana langkah-langkah keselamatan seperti kawalan keselamatan 24 jam dan sistem kawalan dalaman serta sistem penyimpanan barang kemas dan wang tunai amat memuaskan.

Namun begitu, keselamatan di persekitaran premis Ar-Rahnu agak membimbangkan. Pejabat Yayasan KOSMA terletak disebelah kiri manakala Kedai Serbaneka KOSMA di sebelah kanan premis Ar-Rahnu. Didapati ciri-ciri keselamatan di kedai serbaneka tersebut agak memuaskan di mana premis tersebut dilengkapi dengan alat penggera keselamatan dan kamera litar tertutup (CCTV). Di sebaliknya pula ciri-ciri keselamatan Pejabat Yayasan KOSMA kurang memuaskan dan keadaan sedemikian memungkinkan berlakunya kejadian pecah masuk ke premis Ar-Rahnu melalui Pejabat Yayasan KOSMA. Sehubungan itu ciri-ciri keselamatan di Pejabat Yayasan KOSMA perlu ditingkatkan dengan memasang alat penggera keselamatan agar seandainya cubaan pecah masuk ke premis Ar-Rahnu melalui premis Yayasan KOSMA dapat dielakkan. Disamping itu juga, dinding pemisah di antara premis Ar-Rahnu dengan Kedai Serbaneka dan Yayasan KOSMA disarankan supaya dipasang alat pengesan gegaran agar cubaan pecahmasuk dengan cara memecah dinding tersebut dapat dikesan lebih awal.



Ulasan Pengurusan

Anggota Lembaga mengambil maklum teguran Jawatankuasa Audit Dalaman berkaitan keselamatan dan kemungkinan pecah masuk melalui pejabat Yayasan KOSMA. Buat masa ini, kawalan keselamatan telah diadakan selama 24 jam di bahagian hadapan Pejabat Ar-Rahnu dan Yayasan KOSMA. Alat pengesan gegaran dinding pemisah di antara premis Ar-Rahnu dengan Yayasan KOSMA juga akan dibuat sebagai tambahan kepada kawalan keselamatan. Teguran JAD tersebut diterima baik dan untuk tindakan KOSMA bagi membuat penambahaikan seperti mengadakan kamera litar tertutup (CCTV) serta memperbaiki ciri-ciri keselamatan sistem pintu Yayasan KOSMA.

6.6 Penghargaan dan Terima kasih

JAD merakamkan ucapan terimakasih kepada Anggota Lembaga, pihak Pengurusan dan juga Pengurus-pengurus Ladang atas kerjasama yang telah diberikan semasa pengauditan dijalankan.

7.0 PERKEMBANGAN PADA TAHUN 2017


7.1 Maklumat Terkini Ladang-Ladang KOSMA

7.1.1 Keluasan kawasan bagi Ladang KOSMA yang terkini adalah:

Bil.	Nama Ladang	Keluasan Kawasan (Hektar)			
		2016	2017	Matang	Belum Matang
1	Gajah Jinak	2,420.8	177.5	2,598.3	-
2	Sungai Kepasing	1,600.6	499.8	1,963.6	136.8
4	Bukit Serlai	663.9	1284.7	752.2	1,196.4
6	KOSMA 6	1,613.0	703.1	1,613.0	703.1
7	KOSMA 7	1,187.8	465.9	1,187.8	465.9
8	KOSMA 8	2,201.2	250.0	1,896.2	555.0
9	KOSMA 9	2,170.3	-	2,170.3	-
Jumlah		11,857.6	3,381.0	12,181.4	3,057.2

7.1.2 Profil Umur Pokok Ladang KOSMA

Peringkat Umur Pokok Kelapa Sawit



Profil Umur Pokok	Keluasan Tanah	Peratusan
	(Ha)	(%)
Kelapa Sawit		
> 21 tahun	7,017.3	46%
8 tahun - 20 tahun	2,686.2	18%
4 tahun - 7 tahun	2,477.9	16%
< 3 tahun	3,057.2	20%
Jumlah	15,238.6	100.0


7.1.3 Maklumat penanaman semula ladang KOSMA bagi tahun 2017 sehingga 2019:

	Ladang (Ha)		
	2017	2018	2019
Ladang Bukit Serlai	209.4	150.0	-
Ladang Kosma 8	303.0	244.5	192.4
Ladang Kosma 7	-	202.9	192.0
Ladang Kosma 6	-	-	245.0
Jumlah	512.4	597.4	629.4

7.1.4 Kadar Perahan Minyak :

Tahun	KOSMA	Pahang	Semenanjung Malaysia
2015	20.0	20.1	20.0
2016	19.8	20.0	19.8
2017	19.3	19.3	19.2

7.1.5 Pengeluaran Hasil Terkini Ladang-Ladang KOSMA.



Tahun	Hasil (Mt)	Purata Hasil/Hektar
2015	253,591	22.3
2016	211,352	17.8
2017	259,192	21.3

**Jumlah Keseluruhan Pengeluaran BTB Tahun 2017 : 259,192.08/m.t
(21.3 m.t/ha)**

Kumpulan Perladangan KOSMA mencatatkan pengeluaran BTB berjumlah 259,192.08 mt. dalam tahun 2017 (Tahun 2016 : 211,325.11 mt). Purata pengeluaran hasil adalah 21.3 mt/ha (2016 : 17.8 mt/ha).

Perbandingan Purata Hasil KOSMA, Pahang dan Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2015 sehingga Tahun 2017

Tahun	KOSMA	Pahang	Semenanjung Malaysia
2015	22.30 mt/ha	18.55 mt/ha	18.80 mt/ha
2016	17.84 mt/ha	15.23 mt/ha	15.77 mt/ha
2017	21.28 mt/ha	17.90 mt/ha	18.70 mt/ha

7.2 Wujud Wawasan Sdn Bhd

7.2.1 Prestasi Kewangan

Wujud Wawasan Sdn Bhd (WWSB) (Ekuiti dimiliki oleh KOSMA sebanyak 49%) adalah merupakan sebuah syarikat bersekutu yang menguruskan Kilang Sawit KOSMA. Sehingga 31 Disember 2017, kedudukan kewangan WWSB berbanding tahun 2016 adalah seperti berikut :

	2017 (RM)	2016 (RM)
Aset Bukan Semasa (Non-current assets)	4,889,386	5,322,142
Aset Semasa (Current Assets)	31,315,922	29,871,215
Liabiliti Semasa (Current Liabilities)	(15,321,577)	(17,349,480)
Aset Semasa Bersih (Net current assets)	15,994,345	12,521,735
	20,144,593	17,104,739
Modal Berbayar (Share capital)	1,500,000	1,500,000
Keuntungan Terkumpul (Retained earnings)	18,644,593	15,604,739
	20,144,593	17,104,739

Daripada segi keuntungan pula berbanding tahun 2016 adalah seperti dinyatakan di bawah :

	2017 (RM)	2016 (RM)
Keuntungan Sebelum Cukai (Profit Before Tax)	7,786,886	4,365,099
Cukai (Tax)	(1,747,032)	(999,520)
Keuntungan Selepas Cukai (Profit After Tax)	6,039,854	3,365,579
Dividen sesaham (sen)	325	200

7.2.2 Rekod bayaran dividen telah diterima

Tahun	Dividen Diterima (RM)	Kadar Dividen Sesaham (Sen)
2016	1,470,000	200
2015	1,837,500	250
2014	1,837,500	250
2013	2,205,000	300
2012	1,470,000	200

NOTA :

Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah sebanyak 325 sen sesaham bersamaan dengan RM 2,388,750 yang akan dibayar dalam tahun 2018.

8.0 HARAPAN

Adalah menjadi harapan Anggota Lembaga agar KOSMA terus mengekalkan kecemerlangan prestasinya dan terus unggul sebagai salah sebuah koperasi perlادangan yang berjaya di Negeri Pahang mahupun di seluruh Malaysia. Matlamat utama KOSMA adalah sentiasa memberikan yang terbaik untuk semua anggota di samping memberi manfaat pada seluruh masyarakat sedunia.

9.0 PENGHARGAAN

Anggota-Anggota Lembaga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jawatankuasa Audit Dalaman, anggota-anggota, pegawai dan kakitangan serta semua pihak yang terlibat dalam perjuangan dan usaha mempertingkatkan prestasi KOSMA.

AGENDA : 4 KERTAS BIL : KMA. 04/2017

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA,
JIKA ADA, TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

1.0 TUJUAN

